

CEPHANMYCIN CAPSULE

Cephalexin (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CEPHANMYCIN CAPSULE.
2. Bagaimana CEPHANMYCIN CAPSULE berfungsi.
3. Sebelum menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE.
4. Cara menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE.
5. Semasa menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CEPHANMYCIN CAPSULE.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CEPHANMYCIN CAPSULE

Cephalexin digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria, termasuk jangkitan saluran pernafasan, jangkitan telinga, jangkitan kulit, jangkitan saluran kencing dan jangkitan lain.

Bagaimana CEPHANMYCIN CAPSULE berfungsi

Ia bertindak dengan mengganggu pembentukan dinding sel bakteria, menyebabkan dinding sel pecah dan membunuh bakteria.

Sebelum menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE

-Bila tidak boleh digunakan

CEPHANMYCIN CAPSULE tidak boleh diambil jika anda alah terhadap antibiotik jenis kumpulan cephalixin, cephalosporin atau bahan ramuan yang lain.

-Sebelum menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat seperti penicillin ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain terutamanya jika anda pernah mengalami penyakit gastrousus.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE bersama dengan ubat yang lain seperti metformin (ubat kencing manis) dan probenecid (ubat untuk gout). Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil

sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE

-Berapa banyak harus digunakan

Jangkitan tekak, jangkitan kulit dan radang pundi kencing yang tidak rumit: 2 kapsul setiap 12 jam.

Terapi untuk radang pundi kencing hanya boleh diberi kepada individu yang umurnya lebih daripada 15 tahun.

Untuk jangkitan yang lebih serius atau yang disebabkan oleh organisma yang susah dirawat, dos yang lebih tinggi sehingga 8 kapsul mungkin diperlukan.

-Bila perlu digunakan

CEPHANMYCIN CAPSULE boleh diambil bersama dengan atau tanpa makanan.

-Berapa lama perlu digunakan

Terapi untuk radang pundi kencing harus disambung untuk 7 hingga 14 hari. CEPHANMYCIN CAPSULE perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini dengan tetap, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihat oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala terlebih dos merangkumi mual, muntah, ketidakselesaan perut, cirit-birit dan darah dalam air kencing. Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan CEPHANMYCIN CAPSULE

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan penggunaan semasa mengandung dan penyusuan belum dipastikan lagi. CEPHANMYCIN CAPSULE hanya harus diambil oleh ibu mengandung jika memang diperlukan. Cephalexin akan dilepaskan ke susu ibu dalam kuantiti yang rendah. Perhatian harus diberi semasa Cephalexin digunakan oleh wanita menyusui.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan seperti loya dan muntah, cirit-birit, senak, sakit perut, reaksi hipersensitif (ruam, gegata, bengkak dan kadang kala, tindak balas kulit yang mengancam nyawa), gatal di bahagian alat kelamin dan dubur, agitasi, kekeliruan, khayalan, keradangan sendi, keradangan buah pinggang yang dapat berbalik, penurunan platelet dan sel darah putih.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumer→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan CEPHANMYCIN CAPSULE

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

CEPHANMYCIN CAPSULE perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras yang berwarna hijau pucat dan hijau serta mengandungi serbuk berwarna putih hingga putih kekuningan. Kedua-dua penutup dan badan kapsul

dicetak dengan "CCC 500" (berdakwathitam).

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Cephalexin

CEPHANMYCIN CAPSULE

Cephalexin (500mg)

-Bahan tidak Aktif.

Colloidal Silicon Dioxide, Laktosa

Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Talc

-Nombor MAL

MAL06081196 AZ

Pengilang

Yung Shin Pharmaceutical Ind. Co., Ltd.

Taichung Youth Factory III

No. 26, Kung Liu Rd., Tachia, Taichung,

Taiwan, R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,

Section 13, Kawasan

Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

08/09/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)300919/00280